

26 APR 2001

Pemuda-Bahagian

102 MUKA BARU TERPILIH TERAJUI PEMUDA BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Sejumlah 102 muka baru telah dipilih untuk menerajui Pergerakan Pemuda Umno peringkat bahagian setelah 153 bahagian pergerakan itu mengadakan mesyuarat perwakilannya setakat ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, dengan 12 bahagian lagi yang belum bermesyuarat, sehingga kini jumlah muka baru itu mewakili kira-kira 70 peratus pemimpin Pemuda.

"Saya mengambil kesempatan dengan begitu ramai muka-muka baru, dengan harapan ianya akan menyuntik semangat baru untuk mengemas kini dan memikirkan sedikit sebanyak hala tuju dan penjajaran semula perjuangan Pemuda dalam sebulan ini," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan juga berkata, beliau akan membuat pelantikan baru dalam masa terdekat untuk beberapa jawatan ketua Pemuda negeri kerana pada masa ini sembilan daripada 13 pemegang jawatan itu telah melampaui usia pemuda.

Kesemua ketua beserta jawatankuasa Pemuda bahagian akan mendengar amanat presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini bagi menyatakan harapan dan visi beliau terhadap Pemuda.

"Ini saya rasa akan membuka lembaran baru dalam perjuangan Pemuda Umno," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantau proses pemilihan Pemuda peringkat bahagian kerana ia telah membantu pergerakan itu untuk mengelak isu-isu menganiayakan anggotanya.

Beliau berkata, sungguhpun berlaku usaha untuk mencatur dalam proses pemilihan ketua Pemuda bahagian, usaha itu tidak sampai ke mana jika calon itu sendiri sentiasa mendekati anggota peringkat akar umbi dan mengenali perwakilan.

Tindakan mencatur atau menggugat calon-calon dalam proses pemilihan memang perkara biasa dalam politik, tetapi pada akhirnya kekuatan calon itu sendiri menjadi penentu keputusan, katanya.

Bagaimanapun, pergerakan itu tegasnya, akan membela sesiapa sahaja anggota yang merasakan diri dianiaya dengan cara percaturan dalam proses pemilihan.

Mengenai keputusan seorang anggota Exco pergerakan itu Dr Zambry Abdul Kadir untuk bertanding merebut jawatan ketua Umno bahagian Lumut, Hishammuddin menasihatkannya supaya sumbangan kepada Pemuda Umno di peringkat pusat menjadi pertimbangan dalam keputusan untuk bertanding di peringkat bahagian.

"Bagi saya, yang penting sekarang ialah sumbangan kepada Pemuda, dan yang inipun saya telah ingatkan kepada yang menang, yang telah cukup umur, dan yang kalah bahawa mereka masih pegang jawatan Exco Pemuda Umno.

"Keutamaan mereka ialah bagaimana kita dapat menterjemahkan perjuangan kita di peringkat akar umbi, menyemarakkan semula semangat tulen di kalangan anggota di cawangan-cawangan dan saya telah mengingatkan Dr Zambri, bahawa itu harus menjadi pertimbangannya," katanya.

-- BERNAMA

AFY DC RI